

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	2 October 2015



**Najib, Rauf  
berjaya tangguh  
prosiding  
kes saman**

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Najib Razak dan Setiausaha Keaja UMNO, Datuk Abdul Rauf Yusoh berjaya dalam permohonan mereka untuk menangguhkan prosiding kes saman difailkan bekas ahli UMNO, Anina Saadudin.

Kes saman terbabit adalah berhubung wang RM2.6 bilion (AS\$650 juta) yang didakwa dimasukkan ke dalam akaun peribadi Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Melalui prosiding dalam kamar di Mahkamah Tinggi semalam, Pesuruhjaya Kehakiman Datuk Mohd Zaki Abdul Wahab membenarkan permohonan Najib dan Abdul Rauf yang dinamakan selaku defendan pertama dan kedua, untuk menangguhkan prosiding itu.

#### **Tak perlu fail pernyataan pembelaan**

Dengan keputusan itu, kedua-dua defendan tidak perlu memfailkan pernyataan pembelaan terhadap pernyataan tuntutan Anina (plaintif) atau sebarang affidavit berhubung kes berkenaan.

Peguam, Datuk Mohd Hafarizam Harun yang mewakil defendan ketika ditemui berkata, hakim membuat keputusan berkenaan dengan alasan ada keadaan istimewa iaitu jika prosiding tidak ditangguhkan, ia boleh memberikan kesan kepada permohonan Najib dan Abdul Rauf untuk membatalkan saman Anina.

#### **Pengurusan kes 6 Oktober**

Beliau berkata, mahkamah juga mendapati penangguhan itu tidak menyebabkan prejudis terhadap Anina kerana beliau masih berpeluang meneliti pernyataan pembelaan itu kemudian, jika mahkamah menolak permohonan membatalkan saman berkenaan.

Katanya, mahkamah kemudian menetapkan pada 6 Oktober ini untuk pengurusan kes bagi permohonan anak guamnya membatalkan saman berkenaan.